

12 MAR 2002

Fuzi-Keganasan/I

M'SIA BERHARAP MESYUARAT OIC HASILKAN STRATEGI BAGI MENANGANI KEGANASAN

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Malaysia berharap Mesyuarat Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengenai keganasan di sini bulan depan akan menggubal bentuk tindakan yang boleh digunakan oleh negara anggota dalam menangani ancaman keganasan.

Ketua Setiasuaha Kementerian Luar Datuk Ahmad Fuzi Abdul Razak berkata di samping itu, suara bersama OIC berkaitan keganasan akan terpancar dalam Deklarasi Kuala Lumpur yang akan diisytiharkan pada akhir mesyuarat khas itu.

"Memanglah beberapa persidangan mengenai perkara ini telah diadakan sebelum ini. Tapi kita rasa ini adalah kali pertama kita boleh menyediakan peluang yang membolehkan semua negara anggota mengambil bahagian melalui format perbincangan umum," katanya.

Ahmad Fuzi berkata demikian kepada Bernama selepas memeriksa kemudahan yang terdapat di Palace of the Golden Horses di Seri Kembangan yang akan menjadi tempat berlangsungnya mesyuarat tiga hari itu, bermula 1 April.

Beliau berkata, selain menentukan takrif mengenai keganasan, perbincangan yang menyentuh punca keganasan juga akan menjadi salah satu topik utama pada mesyuarat berkenaan.

"Kita perlu melihatnya secara menyeluruh. Jadi perkara mengenai takrif, puncanya (keganasan) akan menjadi antara unsur utama yang akan dibincangkan," katanya.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan pada hari pertama mesyuarat berkenaan.

Ahmad Fuzi berkata, sehingga kini 25 daripada 56 anggota OIC sudah mengesahkan penyertaan masing-masing pada peringkat menteri atau timbalan menteri.

Namun demikian, katanya, Malaysia berharap mesyuarat khas itu akan dihadiri oleh semua negara anggota.

Katanya, persediaan sedang dibuat bagi memastikan kebanyakan negara kecil yang menganggotai OIC menyertai mesyuarat tersebut.

Para wakil dari Bangsa-bangsa Bersatu dan Liga Arab juga akan dijemput, katanya.

Mesyuarat tersebut diadakan tujuh bulan selepas berlakunya serangan berani mati di Amerika Syarikat (AS) pada 11 Sept yang memusnahkan Pusat Dagangan Dunia di New York dan sebahagian daripada Pentagon di Washington dan turut mengorbankan beribu-ribu nyawa.

Berikutan kejadian itu, AS telah melancarkan serangan terhadap Afghanistan bagi memburu pengganas yang dikaitkan dengan kumpulan Al-Qaeda pimpinan Osama bin Laden yang dipercayai bertanggungjawab terhadap serangan tersebut.

Selepas kejadian pada Sept 11 itu, imej Islam dan penganutnya telah tercemar manakala banyak orang Islam dilaporkan menjadi mangsa keganasan dan tempat-tempat ibadat mereka termasuk pusat-pusat Islam telah dirosakkan di seluruh dunia.

Ketika bercakap dalam satu temubual melalui televisyen di London bulan lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Kuala Lumpur berharap, pada mesyuarat ini nanti, negara-negara Islam akan mencapai kata sepakat untuk bersatu dan mempertahankan Islam serta membetulkan tanggapan salah bahawa Islam dan keganasan adalah sama.

Ahmad Fuzi berkata: "Kita perlu sama-sama menyatakan bahawa keganasan tidak boleh disamakan dengan Islam.

"Ini merupakan aspek paling penting yang perlu kita sampaikan kepada dunia luar kerana imej negara-negara Islam secara umumnya telah rosak akibat kenyataan yang menyamakan Islam dengan keganasan... Tibalah masanya pandangan salah ini diperbetulkan."

Ditanya tentang kemungkinan ada negara tertentu yang akan memaksa negara lain supaya menerima pendapatnya, Ahmad Fuzi berkata semua negara sepatutnya dapat mengamalkan semangat bekerjasama.

"Saya fikir di sinilah semua negara perlu bekerjasama. Sekiranya ia membawa kepada kerjasama yang lebih erat di kalangan negara anggota OIC, saya fikir ia mencapai objektifnya," kata beliau.

-- BERNAMA

MAM AO SP